

**RINGKASAN PERUTUSAN Y. BHG. DATO' HAJAH ROSNANI BINTI IBARAHIM
KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR MALAYSIA SEMPENA PERHIMPUNAN BULANAN
JABATAN ALAM SEKITAR BIL 1/2008 PADA 15 JANUARI 2008 (SELASA)**

Y. Bhg Dato' mengucapkan salam dan selamat sejahtera kepada semua yang hadir pada perhimpunan bulanan pagi ini. Dalam perutusan ini, Y. Bhg. Dato' telah merumuskan beberapa pencapaian yang telah JAS perolehi sepanjang tahun 2007. Tahun 2007 merupakan tahun yang begitu bermakna kepada semua anggota JAS kerana banyak kejayaan yang diperolehi sepanjang tahun tersebut.

Dari segi kewangan, prestasi perbelanjaan adalah baik. JAS telah berbelanja 99.4 % untuk peruntukan mengurus dan 99.3% bagi peruntukan pembangunan. Ini adalah merupakan satu pencapaian yang baik. Beliau mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua anggota JAS.

Seperti yang semua sedia maklum, JAS adalah merupakan agensi penguatkuasa. Justeru, semua anggota JAS diingatkan supaya memberi tumpuan yang lebih kepada aktiviti-aktiviti penguatkuasaan yang merupakan *core business* jabatan ini.

Tahun 2007 ini juga dilalui dengan beberapa rekod dari segi aktiviti penguatkuasaan. Sebanyak 1064 kes telah berjaya di bawa ke mahkamah pada tahun 2007. Berbanding dengan tahun-tahun sebelum ini hanya 200 hingga 300 kes sahaja yang berjaya dibawa ke mahkamah. Ini menunjukkan bahawa pada tahun 2007 ini, JAS

telah berjaya melipat gandakan usaha dalam aktiviti penguatkuasaan. Pegawai-pegawai penguatkuasa JAS telah bekerja dengan begitu gigih dan memberi tumpuan yang lebih sehingga berjaya membawa kes-kes pelanggaran peraturan-peraturan alam sekitar ke mahkamah.

Syabas juga diucapkan kepada semua Pengarah JAS Negeri yang telah berjaya menyahut cabaran pada awal tahun 2007 yang lalu di mana Y. Bhg. Dato' telah meminta semua Pengarah JAS Negeri menetapkan satu target (pencapaian) bagi aktiviti-aktiviti penguatkuasaan. Hasilnya ialah sebanyak 1064 kes telah berjaya dibawa ke mahkamah. Terdapat beberapa buah negeri yang telah menunjukkan pencapaian yang ketara dari segi aktiviti penguatkuasaan. Negeri-negeri tersebut ialah Johor, Selangor, Pulau Pinang dan Kelantan. Pencapaian JAS Selangor adalah yang paling membanggakan di mana sebanyak 140 kes telah berjaya di bawa ke mahkamah pada tahun 2007. Justeru, beliau berharap pencapaian ini akan diteruskan pada tahun 2008 dan juga tahun-tahun yang akan datang.

Tahun 2007 ini juga dilalui tanpa krisis-krisis alam sekitar yang serius. Pada tahun-tahun sebelum ini, negara telah mengalami beberapa peristiwa-peristiwa seperti jerebu, pelupusan haram buangan terjadual, tumpahan minyak dan sebagainya. Tahun 2007 ini dilalui dengan baik walaupun terdapat beberapa kes lain yang berlaku, tetapi kita berjaya mengatasinya. Secara umumnya, tahun

2007 adalah merupakan tahun yang paling baik dari segi pengurusan alam sekitar di negara ini.

Pada tahun 2007 ini juga, kita telah dapat melipat gandakan usaha membersihkan kawasan-kawasan yang tercemar. Kawasan - kawasan ini telah digunakan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab untuk membuang buangan-buangan toksid dan berbahaya. Pada tahun 2007, kita telah berjaya hasil sokongan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar terutamanya dari segi peruntukan kewangan yang secukupnya untuk membersihkan kawasan – kawasan tersebut. Dianggarkan terdapat kira-kira 7 atau 8 tapak pelupusan haram yang telah berjaya dibersihkan dengan kos mencecah RM 7.5 juta. Ini merupakan satu peruntukan yang agak besar. Sepatutnya, peruntukan yang besar ini digunakan untuk perkara-perkara lain yang lebih berfaedah tetapi malangnya ini yang berlaku. Beliau berharap agar perbuatan-perbuatan yang tidak bertanggungjawab melupuskan buangan toksid dan berbahaya seperti ini tidak akan berlaku lagi di masa hadapan.

Tahun 2007 juga menyaksikan beberapa pencapaian lain yang boleh dibanggakan. Antaranya ialah kita telah berjaya meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dengan memandatorikan hukuman penjara bagi mereka yang tidak bertanggungjawab melupuskan secara haram buangan-buangan terjadual. Jika kesalahan ini dilakukan, mereka akan dikenakan penjara secara mandatori. Pada tahun 2007, kita juga telah berjaya mengubal danewartakan

Peraturan -Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kualiti Minyak Petrol dan Diesel) kepada tahap EURO M2.

Pada tahun 2007 juga, kita berjaya menggubal peraturan bagi mendaftarkan jururunding-jururunding EIA. Kita berharap usaha ini akan sekaligus meningkatkan profesionalisme di kalangan jururunding-jururunding EIA dan seterusnya memastikan laporan - laporan yang dikemukakan merupakan laporan-laporan yang berkualiti. Ini penting bagi memastikan pelaksanaan projek-projek pembangunan menepati dan memenuhi syarat-syarat EIA. Dengan adanya sistem pendaftaran jururunding EIA ini juga kita akan dapat melihat satu peningkatan dari segi akauntabiliti di kalangan jururunding-jururunding EIA.

Pada tahun 2007 juga, kita telah berjaya meminda Piagam Pelanggan JAS dari segi pemprosesan laporan-laporan EIA daripada tiga (3) bulan kepada lima (5) minggu. Ini merupakan satu lagi pencapaian yang sangat baik. Tahniah diucapkan kepada Pengarah - Pengarah Negeri, Pegawai EIA di JAS negeri dan Ibu Pejabat yang telah berusaha dengan cukup gigih ke arah mempercepatkan pemprosesan laporan - laporan EIA.

Di samping itu, pada tahun 2007 juga JAS telah mengadakan aktiviti bagi memperkasakan ADUN dan Wakil Rakyat dengan program-program kesedaran alam sekitar di peringkat negeri dan daerah.

Selain dari itu, JAS juga telah membuka Bilik Operasi 24 Jam untuk menerima aduan-aduan pencemaran alam sekitar. Talian Hotline aduan pencemaran alam sekitar beroperasi 24 jam untuk menerima aduan-aduan daripada orang ramai. Tahniah diucapkan kepada pegawai dan kakitangan di Bilik Operasi.

Dari segi pembangunan sumber manusia pula, syabas kepada TKP(P) dan Pengarah EiMAS terus-menerus melipat gandakan usaha untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai - pegawai JAS . Beliau berharap kursus-kursus ini dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya dalam urusan kerja yang dilakukan.

Tahniah juga diucapkan kepada TKP(O) dan pegawai - pegawainya kerana melahirkan idea ke arah menubuhkan bahagian baru iaitu Bahagian Penguatkuasaan di Ibu Pejabat untuk membantu melipat gandakan usaha - usaha penguatkuasaan yang dibuat oleh pegawai kita di JAS Negeri. Bahagian Penguatkuasaan ini akan mula beroperasi pada 1 Februari 2008 dan merupakan *focal point* bagi urusan dengan pejabat-pejabat negeri JAS.

Bagi tahun 2008 ini, beliau menyarankan kepada kepada semua anggota JAS supaya melipat gandakan usaha dan bekerja dengan lebih tekun, jujur dan berdedikasi bagi memastikan hasilnya memberi kesan positif berbanding dengan tahun-tahun sebelum ini. Di JAS terutamanya kepada mereka yang menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan termasuk memproses KB, lesen, EIA dan sebagainya, setiap tindak tanduk kita akan diperhatikan dan dinilai.

Setiap keputusan yang kita buat akan dipertanggungjawabkan. Adakalanya juga keputusan yang kita buat tidak akan memuaskan hati semua pihak, tetapi mungkin itu adalah keputusan yang terbaik. Oleh itu, akan terdapat di kalangan pihak-pihak tertentu yang akan berasa tidak berpuas hati. Pada bila-bila masa keputusan yang dibuat hendaklah berdasarkan kepada asas-asas pertimbangan yang wajar dan saksama. Sehubungan dengan ini, Y. Bhg. Dato' juga memberitahu tiga (3) orang Pegawai Penguatkuasa JAS telah ditahan untuk di soal siasat oleh BPR. Walau bagaimanapun, keputusan sama ada mereka ini terlibat atau tidak dalam perbuatan yang melanggar undang-undang BPR belum diketahui. Walau bagaimanapun, beliau sekali lagi mengingatkan anggota JAS supaya sentiasa berwaspada di dalam semua tindak tanduk kita.

Beliau juga memaklumkan bahawa JAS sedang dalam proses untuk membuat penstrukturan semula struktur organisasi JAS Negeri dan Ibu Pejabat yang akan dikemukakan kepada JPA untuk mewujudkan bahagian / unit baru di samping memohon pertambahan perjawatan. Diharapkan usaha ini akan menjadikan JAS lebih cekap, mantap dan mampu mendokong tugas-tugas yang lebih mencabar di masa-masa akan datang.

Di akhir ucapan, Y. Bhg. Dato' mengucapkan terima kasih kepada semua yang menghadiri perhimpunan ini.

15 Januari 2008 (Selasa)